



# Management Of Income Sources and Financial Expenditures of Mosques In Ranau Sabah

## Sumber Pendapatan dan Perbelanjaan Kewangan Masjid di Ranau Sabah

SUHAILIN BIN LAJIMIN<sup>1\*</sup>, SAIMI BIN BUJANG<sup>2</sup>, MOHD FAIZ BIN MOHD YUSOF<sup>3</sup>

<sup>1</sup>*Pejabat Pendidikan Daerah Ranau, Sabah*  
89300 Ranau, Sabah, MALAYSIA

<sup>2</sup>*Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA,*  
Samarahan, Sarawak, MALAYSIA

<sup>3</sup>*Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA,*  
40450 Shah Alam, MALAYSIA

Email: [suhailinlajiminranau@gmail.com](mailto:suhailinlajiminranau@gmail.com)

Received: September 20, 2024

Accepted: October 03, 2024

Online Published: October 20, 2024

### Abstract

The mosque is a place of profound significance among Muslims and functions as a centre for worship. It is imperative for Muslims to strengthen the financial management of mosques in order to facilitate various religious activities. This study aims to investigate the financial management practices of mosques in the Ranau district of Sabah. The primary objective of this research is to elucidate the sources of income and financial expenditures of mosques within this region. To achieve this objective, qualitative data were collected through semi-structured interviews with fourteen respondents, comprising seven mosque chairmen and seven mosque treasurers who are directly engaged in the financial management of their respective mosques. The collected data were analysed using both inductive and deductive methods. This research employs a multiple case study design, utilising purposive sampling to ensure the selection of relevant participants. The findings indicate that the financial management practices concerning income and expenditure among mosques in the Ranau district, as administered by the chairmen and treasurers, comply with the procedures established by the Sabah State Department of Islamic Affairs. This study provides valuable insights for mosque committee members in formulating guidelines that will enhance the capacity of mosque management to effectively oversee their financial income and expenditures.

**Keywords:** Finance, Mosque, Ranau, Record-keeping, Reporting

Masjid adalah tempat yang amat suci di kalangan umat Islam dan sebagai pusat menunaikan ibadah. Umat Islam dituntut untuk memperkasakan pengurusan kewangan masjid untuk pelaksanaan pelbagai aktiviti keagamaan. Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji pengurusan kewangan masjid di daerah Ranau, Sabah. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan sumber pendapatan dan perbelanjaan kewangan masjid di daerah Ranau, Sabah. Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah temu bual digunakan bagi mendapatkan data primer daripada empat belas orang responden iaitu tujuh (7) orang pengerusi masjid dan tujuh (7) orang bendahari masjid yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kewangan masjid. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan metode induktif dan deduktif. Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya yang menggunakan kaedah kajian temu bual manakala reka bentuk kajian ialah kajian kes berbilang dan menggunakan persampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengamalan pengurusan kewangan masjid dari aspek pendapatan dan perbelanjaan kewangan masjid di daerah Ranau, Sabah oleh pengerusi dan bendahari masjid mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Sabah. Kajian ini dapat memberikan panduan kepada ahli jawatankuasa masjid bagi merangka beberapa garis panduan yang boleh membantu pihak pengurusan masjid untuk mempertingkatkan keupayaan pengurusan pendapatan dan perbelanjaan kewangan masjid.

**Keywords:** kewangan; masjid; pelaporan; perekodan; Ranau

### 1. Pengenalan

Masjid merupakan institusi penting kepada umat Islam. Ia adalah tempat mulia, pusat menunaikan ibadah khusus umat Islam seperti solat, iktikaf, membaca al-Quran dan sebagainya. Ia turut memainkan peranan penting sebagai pusat menuntut ilmu, bertemu, berbincang, melaksanakan program syiar Islam, pembangunan ummah dan juga aspek pembangunan rohani dan jasmani. Ia turut menjana ekonomi umat Islam sekitar. Di samping itu, ia dapat menyatupadukan umat Islam. Firman Allah SWT dalam al-Quran Surah *at-Taubah* ayat 18 yang bermaksud:

*“Bahawasanya yang layak memakmurkan masjid Allah itu adalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan solat dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan Allah, maka diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk”.* (Surah *at-Taubah* ayat 18)



Masjid adalah institusi penting pada zaman pemerintahan kegemilangan Islam dahulu. Fungsi dan peranannya seperti pusat pemerintahan, pusat perekonomian, pentadbiran negara, menuntut ilmu, keagamaan, perundangan, institusi sosial dan sebagainya (Joni & Che Zarina, 2003, Saimi, 2015). Dilihat dewasa ini masjid menjadi tempat yang lebih signifikan apabila ia turut membina ekonomi umat Islam. Secara tidak langsung masjid di seluruh Malaysia pada amnya menjadi tempat pusat tumpuan untuk melaksanakan aktiviti keagamaan seperti menunaikan ibadah solat lima waktu, membaca al-Quran, pelaksanaan program agama Islam seperti ceramah agama, sambutan hari kebesaran Islam iaitu hari raya aidil fitri, aidil adha dan sebagainya. Maka secara langsung melibatkan urusan pengurusan perekodan dan pelaporan kewangan masjid. Ia amat perlu kerana ia adalah bukti yang perlu dikemukakan apabila diminta oleh pihak yang berkaitan dengannya seperti pihak pengurusan, pejabat pendidikan daerah, jabatan pendidikan negeri, kementerian pendidikan Malaysia dan jabatan agama negeri.

## 2. Persoalan Dan Objektif Kajian

Bagi memastikan kajian ini fokus dan terarah, penyelidik berusaha untuk menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Persoalan kajian yang berusaha untuk dijawab adalah *apakah sumber pendapatan dan perbelanjaan pengurusan kewangan masjid di daerah Ranau, Sabah?* Manakala objektif kajian pula adalah *untuk menjelaskan sumber pendapatan dan perbelanjaan pengurusan kewangan masjid di daerah Ranau, Sabah.*

## 3. Kajian Literatur

Sorotan kajian bagi kajian ini dibahagikan kepada keyakinan umat Islam terhadap masjid; hasil sumber dana masjid; penjanaan dana masjid; dan, perekodan dan pelaporan kewangan masjid.

### Keyakinan Umat Islam Terhadap Masjid

Masjid hendaklah ditadbir dengan sebaiknya dan cemerlang. Pengurus institusi masjid adalah pemegang amanah daripada Allah SWT yang mentadbir dan mengurusnya (Hasan Bahrom, 2008). Fimran Allah SWT dal surah *al-A'raf* ayat 29 yang bermaksud:

*"Katakanlah (wahai Muhammad, Tuhanku menyuruh berlaku adil pada segala perkara dan memerintahkan agar kamu menghadapkan wajah (dan hati) kamu kepada Allah dengan betul setiap kali mengerjakan solat dan beribadahnya kepadaNya semata-mata, sebagaimana Dia (Allah) menciptakan kamu pada mulanyadan demikian pula kamu akan dikembalikan kepadaNya".* (Surah *al-'Araf* ayat 29)

Kedaulatan dan syiar Islam bermula daripada institusi masjid. Ia menghubungkan hamba kepada Penciptanya. Masjid menjadi pusat tertinggi umat Islam sebagai pusat beribadah, membina tamadun dunia, perkembangan ilmu, membentuk jiwa unggul dan jasmani. Selain itu ia menyatukan umat Islam, memupuk persaudaraan, membentuk satu umat yang mulia daripada pelbagai bangsa, warna kulit, berbeza bahasa dan sebagainya. Peredaran zaman dan masa menyebabkan masjid perlu memainkan peranannya yang lebih jauh dan proaktif seiring dengan kemodenan agar masyarakat tidak bertelagah dan kucar kacir (Ali Khan *et al.*, 2008). Maka pengurus masjid hendaklah memastikan masjid menjadi institusi penting kepada masyarakat Islam. Justeru institusi masjid perlu kreatif dan inovatif menyelesaikan isu yang dihadapi olehnya. Masjid perlu menjadi institusi yang boleh menyelesaikan masalah umatnya seperti masalah moral dan kemiskinan (Hasan Baharom, 2008). Institusi ini kini, memang tidak digunakan sebagai pusat mentadbir tetapi fungsinya untuk membina insan mulia perlu dikekalkan. Maka seharusnya banyak lagi fungsi dan peranannya yang harus dipupuk agar ia menjadi institusi yang cemerlang berbanding hanya sebagai tempat keagamaan semata-mata. Sebagai satu usaha awal ke arah menjadikan masjid sebagai pusat kewangan kepada masyarakat sekeliling maka diwujudkan kerjasama sesama masjid berdekatan atau mukim. Kerjasama ini seperti mewujudkan koperasi masjid yang terdiri daripada pakar yang mempunyai kelayakan agar dapat mncadangkan idea yang lebih maju ke depan. Kewujudannya akan membuka peluang pekerjaan baru yang berimpak tinggi kepada semua khususnya dalam ekonomi Islam. Kesannya akan memajukan industri usahawan Muslim. Secara tidak langsung dana yang sedia ada akan ditambah dan bertambah banyak. Kesannya banyak program dan aktiviti yang dapat dilaksanakan untuk umat Islam dan membina kemenjadian institusi masjid yang lebih cemerlang dan unggul. Seharusnya dana yang diperolehi dapat memberi manfaat yang maksimum kepada umat Islam (Mohd. Yahya *et. al.*, 2014). Ini menjelaskan bahawa Islam itu bukan hanya sekadar mengamalkan agama secara ritual semata-mata tetapi lebih daripada itu menyempurnakan kehidupan manusia (Husnul Rita, 2014).

Bermula di sini masjid menjadi pusat pembangunan ekonomi setempat dan meningkatkan kehidupan umat Islam. Tabung bergerak di masjid misalnya antara program yang amat baik untuk menambah dana masjid (Husnul Rita, 2014). Sememangnya masjid adalah nadi utama umat Islam yang tidak boleh dipisahkan. Ia diimarahkan dengan kehadiran jemaah agar dimeriahkan dengan aktiviti ritual, keagamaan dan sebagainya. Tanpa jemaah maka masjid tidak akan menjadi meriah dan akan sunyi. Pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat mereka berada di masjid hampir setiap masa. Ia menjadi pusat penyebaran dakwah Islam, pusat ilmu, pusat ekonomi Islam, pusat pentadbiran negara, sebagai mahkamah tempat menghakimi, tempat bermesyuarat dan sebagainya (Saimi, 2015) dan mendapat maklumat (Zakaryya Mohamed Abdel, 2010). Malah ramai para ilmuwan Islam yang lahir daripada pengurusan masjid yang cemerlang pada zaman lalu (Ibn Khaldun, t.t.). Persepsi masyarakat kini terhadap fungsi dan peranan masjid dilihat sempit dan terhad. Masjid dilihat sebagai pusat beribadah semata-mata. Fungsi lainnya seperti pusat kehakiman, pusat ekonomi dan sebagainya diambil alih oleh institusi, pejabat, kementerian, Lembaga, pusat dan sebagainya yang diwujudkan oleh pihak yang memerintah (Fidlizan dan Mohd Yahya, 2009). Kesannya ia menghilangkan kegemilangan masjid di mata masyarakat. Faktor yang menaikkan nama institusi masjid ialah pebentukan modal sosial yang aktif



seperti penganjuran aktiviti dan program berbentuk keagamaan. Aktiviti tersebut seperti kuliah, ceramah, bengkel, kursus, gotong-royong dan sebagainya (Hairunnizam *et. al.*, 2009). Namun kehadiran jemaah ke masjid dipengaruhi oleh hubungan rapat masjid dengan masyarakat (Roslan, 2008) dan penyediaan tempat ibadah yang selesa, aktiviti pembelajaran agama yang konsisten, pengurusan kewangan yang cemerlang dan tanpa konflik (Mohd. Yahya *et. al.*, 2014).

### **Hasil Sumber Dana Masjid**

Institusi masjid secara amnya terhad kepada satu tempat untuk melaksanakan ibadah khusus. Namun perkembangan zaman telah mejadikannya memainkan pelbagai fungsi dan peranan semakin luas. Salah satunya pengurusan kewangan masjid seperti menerima sedekah, derma, mengurus harta wakaf di samping membangunkan sosioekonomi masyarakat Islam sekitarnya. Mohd Yahya *et. al.*, (2014) menyatakan bahawa institusi masjid mampu untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab ini. Maka usaha demi usaha dilakukan agar peranan masjid digerakkan secara lebih komprehensif. Usaha ini seperti mengadakan program forum, seminar, bengkel dan sebagainya berbanding sebelum ini hanya sebagai tempat beribadah solat bahkan masjid turut menumpu kepada amalan mulia seperti mewujudkan masyarakat yang dermawan melalui ibadah sedekah, wakaf dan sumbangan ikhlas. Amalan ini signifikan kepada anggapan mendapat balasan baik semasa hidup dan setelah mati. Kutipan paling banyak diperolehi pada solat hari Jumaat setiap minggu. Kutipan daripada aktiviti ini dibelanjakan pada program kerohanian dan keagamaan seperti sambutan hari kebesaran Islam, kuliah agama, kursus, bengkel, pengurusan jenazah dan lain-lain. Dana masjid turut diperolehi daripada sewaan seperti sewaan rumah, kedai, tanah yang menjadi sumber dana masjid (Hasan, 2008), dapat menambahkan sumber dana masjid untuk jangka masa yang panjang (Fidlizan *et al.*, 2007). Umat Islam yang ramai di sesuatu tempat turut menjadi sumber pendapatan wang masjid yang banyak (Mohd Yahya *et al*, 2014).

Dua sumber kewangan yang diterima masjid iaitu daripada kerajaan negeri dan sumbangan orang ramai (Maliah, 2007). Penyelenggaraan masjid yang dibuat oleh masjid daripada sumber kerajaan dan di samping aktiviti keagamaan. Manakala bagi melaksanakan aktiviti masjid yang lain adalah daripada dana yang diperolehi melalui sumbangan orang ramai. Masjid turut mendapat dana daripada zakat dan pihak korporat (Fidlizan *et al.*, 2007). Siti Alawiah *et. al.*, (2008) mendapati terdapat kelemahan bagi amalan pengurusan kewangan masjid di Semenanjung Malaysia khususnya dari aspek sistem mengawal perbelanjaan masjid yang mana masjid tidak menyediakan belanjawan tunai untuk dijadikan sebagai rujukan dalam mengurus kewangan masjid, tiada pelaporan yang lengkap khususnya dalam aspek kutipan dan perbelanjaan diperolehi dari sumber sedekah dan sebagainya. Tidak terdapat satu bentuk piawaian yang standard bagi mengawasi kuasa, pencatatan urusan kewangan, fizikal, tugas, pengoperasian bank, pelaporan maklumat kewangan yang digunakan oleh masjid di Semenanjung Malaysia. Ia akan menjadi asbab akan berlakunya perbuatan yang menyeleweng seperti penipuan, kecurian dan pelbagai aktiviti yang menyalahi peraturan dan undang-undang (Mohd Yahya *et. al.*, 2014). Pada aspek mengembangkan sumber dana pendapatan masjid yang mana masjid boleh memainkan peranan penyelesaian isu sosioekonomi Islam. Simpanan tunai masjid di negeri Perak sebanyak 8.7 juta dalam 24 buah masjid (Mohd. Yahya *et. al.*, 2014). Peranan masjid dalam aspek ini boleh menjadi pemangkin untuk menangani sebarang krisis kerana masjid mempunyai dana dalam jumlah yang amat besar (Fidlizan, 2007) terutama masjid yang berada di sekitar bandar dan pekan dengan jumlah umat Islam yang ramai dan berpendapatan tinggi. Namun terdapat masjid yang tidak melakukan perbelanjaan ke dalam aspek tersebut kerana masjid cenderung untuk menyimpan wang di dalam bank terutama sumbangan awam (Jaafar *et. al.*, 2001). Ia tidak disalurkan untuk melaksanakan aktiviti dan program yang dapat memberikan keuntungan kepada masjid dan masyarakat sekitar. Dana tersebut turut disimpan di dalam akaun semasa untuk mendapatkan pulangan yang sedikit. Bagi menyelesaikan isu ini, masjid dicadangkan agar melakukan perubahan dalam organisasi masjid. Masjid melantik ahli jawatankuasa masjid yang mempunyai kepakaran, ilmu pengetahuan dan akauntabiliti yang tinggi dalam bidang tertentu seperti pakar perniagaan, usahawan, akauntan, agamawan dan sebagainya (Zainudin, 2001). Tindakan yang diambil ini dijangka dapat mengembangkan dana masjid yang diperolehi daripada pelbagai sumber ekonomi yang produktif melalui penubuhan institusi berpusat seperti bank, koperasi masjid, saham, wakaf dan sebagainya yang turut memberikan faedah kepada masyarakat Islam (Mohd. Yahya *et. al.*, 2011).

### **Penjanaan Dana Masjid**

Institusi masjid perlu mengadakan kempen menderma kepada masjid. Perkara ini seharusnya dilakukan agar ia dapat memupuk sifat bersedekah dalam diri muslim. Program Bank Islam Malaysia Berhad dengan memperkenalkan tabung bergerak yang dapat menjana kewangan masjid. Ia merupakan satu kerjasama masjid dengan pihak luar yang dapat membantu penjanaan dana masjid. Melalui program ini Bank Islam telah menagihkan sumbangan sedekah ini kepada beberapa buah masjid. Penyediaan mesin Pendeposit Tunai dan mesin Pengeluaran wang melalui ATM diubahsuai agar pendeposit dan pengeluar wang dapat menderma kepada bank. Wang derma ini pula diedarkan kepada masjid. Setiap penderma akan diberi resit oleh mesin tersebut sebagai rujukan. Kesannya ramai penderma akan menderma kepada masjid. Usaha yang perlu digerakkan ialah pengurusan kewangan masjid yang mantap dan teratur. Ramai masyarakat memberikan sumbangan kepada masjid dalam bentuk wang ringgit, tenaga, masa, buah fikiran dan sebagainya. Pengenalan program Tabung E-Masjid adalah satu bentuk idea baharu untuk menambahkan hasil dana masjid (Husnul Rita *et. al.*, 2014) yang mana pihak masjid menyertakan laman sesawang masjid dan nombor akaun bank agar masyarakat menyumbang ke dalam akaun bank masjid. Ia menggalakkan masyarakat terus menerus untuk menderma. Namun demikian kamera CCTV, Kiosk Bank dan tabung masjid adalah perkara baru dalam institusi masjid (Husnul



Rita *et. al.*, 2014). Kini ia diperlukan untuk dipasang sebagai langkah keselamatannya. Kadar jenayah kecurian harta benda dan wang tabung masjid kerap dilaporkan dalam media massa yang menyebabkan masyarakat merasa bimbang untuk memberikan sumbangan dan sedekah kepada institusi masjid. Selain itu insuran perlu dibeli oleh pihak masjid untuk meningkatkan keyakinan masyarakat. Masjid sendiri hendaklah mencorak pengurusan kewangan sendiri untuk memberikan pulangan keuntungan kepada masjid (Jaafar Ahmad *et. al.*, 2001). Namun persepsi masyarakat sekitar yang sempit akan membatasi fungsi sebenar masjid yang akan melenyapkan kecemerlangannya (Mohd. Yahya *et. al.*, 2014). Oleh itu pendidikan ahli jawatankuasa masjid mempengaruhi corak tadbir masjid dari aspek pengurusan kewangannya (Jaafar, 1999) pada aspek wawasan, perancangan, pelaksanaan program yang aktif dan moden. Perolehan dana turut dipengaruhi oleh tingkatan pengetahuan dan pengalaman keahlian ahli jawatankuasa masjid. Perolehan dari sudut perniagaan, pelaburan, saham, sewaan dan sebagainya akan meningkatkan pendapatan masjid (Joni *et. al.*, 2011; Husnul Rita *et. al.*, 2014). Penyimpanan dana masjid akan memberikan pulangan yang sedikit berbanding dilaburkan (Jaafar, 1999). Namun, dana masjid tidak digunakan untuk membeli aset walaupun masjid ada kemampuan berbuat demikian (Jaafar Ahmad *et al.*, 2001). Menurut Fidlizan *et.al* (2007) mendapati bahawa bendahari adalah yang menguruskan soal urusan kewangan masjid. Oleh itu, urusan kewangan masjid adalah amat penting kepada institusi masjid.

#### Perekodan dan Pelaporan

Pada aspek perekodan dan pelaporan masjid perlu dilaksanakan oleh institusi masjid. Namun terdapat masjid yang tidak membuat pelaporan yang lengkap dan terperinci. Jika ada laporan disediakan terdapat maklumat yang terhad. Kajian oleh Siti Alawiah *et. al.*, (2008) menyatakan bahawa terdapat masjid yang tidak membuat pelaporan secara lengkap dalam aspek kutipan dan perbelanjaan sumber dana masjid. Ia diperolehi daripada dana sumbangan bentuk sedekah. Selain itu dana daripada aspek ini terdapat masjid yang tidak memaklumkan pelaporan kepada pihak umum atas nasihat daripada pihak berkuasa. Pelaporan perlu dilakukan agar masyarakat sekitar tidak membuat persepsi yang tidak baik kepada ahli jawatankuasa masjid (Siti Alawiah *et. al.*, 2008). Oleh itu, segala bentuk perekodan dan pelaporan hendaklah dilaksanakan oleh pihak masjid khususnya dalam sistem kawalan dalaman, fizikal, kuasa, catatan urusniaga, operasi bank dan pelaporan maklumat kewangan agar institusi masjid menjadi contoh terbaik kepada institusi setarafnya dalam segala urusan berkaitan mengurus kewangan institusinya. Maka dapat disimpulkan bahawa semua urusan berkaitan kewangan masjid memerlukan kepada perekodan dan pelaporan. Ini terutama kepada aspek perekodan yang melibatkan tatacara tadbir kemasukan dana masjid, tanggungjawab merekod, penggunaan resit rasmi, dan jumlah wang yang disimpan dalam tangan. Manakala pelaporan pula melibatkan individu yang dipertanggungjawabkan membuat pelaporan, pelaporan penyata kewangan kepada ahli kariah dan pelaporan kepada pihak berkuasa agama seperti Jabatan Agama Islam Negeri.

#### 4. Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, kaedah temu bual digunakan bagi mendapatkan data primer daripada empat belas orang responden iaitu tujuh (7) orang pengerusi masjid dan tujuh (7) orang bendahari masjid yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kewangan masjid. Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya yang menggunakan kaedah kajian temu bual separa berstruktur manakala reka bentuk kajian ialah kajian kes berbilang dan menggunakan persampelan bertujuan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan metode induktif dan deduktif. Kajian ini dijalankan di dua buah masjid di daerah Ranau, Sabah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Masjid, Bilangan Pengerusi dan Bendahari Terlibat

Bil	Nama Masjid	Bil Pengerusi	Bil Bendahari
1	Masjid AL-Bukhari SMKA Mohamad Ali Ranau	1	1
2	Masjid SMK Lohan Ranau	1	1
3	Masjid Jamek Ar-Rahman Daerah Ranau	1	1
4	Masjid Baitul Makmur Kg Kinapulidan	1	1
5	Masjid Kg Matupang	1	1
6	Masjid Lohan Ulu	1	1
7	Masjid Jamek Kundasang	1	1
<b>Jumlah</b>		<b>7</b>	<b>7</b>

Kajian dilaksanakan akan menggu

nakan kaedah temu bual yang diadakan secara temu bual separa struktur dan bersemuka. Pengkaji menemu bual responden dengan menggunakan soalan yang telah ditentukan kepada pengerusi dan bendahari masjid sahaja. Ini kerana ia memenuhi dan menjawab objektif kajian.

#### 5. Dapatan Kajian Pendapatan Dan Perbelanjaan Kewangan Masjid

Hasil kajian dikategorikan kepada sumber pendapatan dan perbelanjaan pengurusan kewangan masjid di daerah Ranau, Sabah.

##### 1 Sumber Pendapatan Kewangan Masjid

Perbincangan berkenaan dengan sumber pendapatan kewangan masjid dibahagikan kepada enam (6), iaitu; perancangan kewangan; jumlah kutipan berdasarkan mingguan, bulanan dan tahunan; kutipan sedekah semasa solat; sumbangan kerajaan, swasta, NGO dan orang perseorangan; penjana pendapatan kewangan masjid; dan kekangan



pendapatan kewangan masjid. Dapatan kajian telah dianalisis secara manual berdasarkan data yang diperolehi melalui proses temu bual ke atas semua responden.

## 2 Perancangan Kewangan Masjid

Majoriti responden kajian seramai 12 orang (n=12) atau 85.7 % menyatakan tidak mempunyai sebarang perancangan atau anggaran pendapatan kewangan masjid, sebagaimana butiran yang terdapat pada Jadual 2. Maklumat yang diperolehi daripada responden R2 dalam temu bual menyatakan bahawa “...tidak ada (dibuat rancangan anggaran pendapatan tahunan) sebab bergantung kepada sumbangan individu secara tidak formal”. Selain itu, responden R5 turut menyatakan bahawa “kalau ambil perkiraan dari akaun masjid, tiada rancangan anggaran (tahunan)”. Maklumat tambahan daripada responden R9 turut mengakui tentang tiadanya perancangan dan anggaran tahunan kewangan masjid, “anggaran rancangan pendapatan tahunan setakat ini belum ada dibuat”.

Jadual 2: Rancangan Anggaran Pendapatan Tahunan Masjid

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Ya	2 orang	14.3 %
Tidak	12 orang	85.7 %
<b>Jumlah</b>	<b>14 orang</b>	<b>100 %</b>

Antara maklumat yang diperolehi semasa proses temu bual berkaitan dengan ketiadaan perancangan dan anggaran kewangan masjid disebabkan kekurangan sumber dana masjid sebagaimana respond daripada responden R5, iaitu “kalau tiada wang...macam mana ada rancangan (anggaran)...”. Responden R4 turut menambah dengan menyatakan masjid tidak mempunyai sumber pendapatan daripada luar, “tiada perancangan untuk mendapatkan pendapatan daripada luar...”. Responden R3 turut menyatakan disebabkan pelaksanaan aktiviti berdasarkan kepada keperluan, “...disebabkan kami membuat aktiviti berdasarkan keperluan, jadi tiadalah perancangan kewangan yang khusus”. Respon daripada Responden R9 pula menyatakan, “... sebelum ni kami menjangkakan belum ada perbelanjaan yang besar, Cuma kami berbelanja mengikut keperluan”.

Seramai dua orang (n=2) responden atau 14.3 % menyatakan bahawa masjid mereka mempunyai anggaran pendapatan dan anggaran kewangan masjid, sebagaimana maklumat yang diperolehi daripada responden R7, “ada rancangan pendapatan masjid juga..”. Pernyataan reponden R7 turut disokong oleh responden R8 dengan menegaskan bahawa, “(ada)..AJK (masjid) yang anggar pendapatan masjid...”. Rancangan atau anggaran pendapatan tahunan masjid di daerah Ranau, Sabah seperti Jadual 2. Kedua-dua responden R7 dan R8 menyatakan bahawa rancangan dan anggaran kewangan masjid dilakukan pada setiap awal tahun semasa mesyuarat jawatankuasa masjid. Berdasarkan maklumat yang diperolehi berkaitan dengan perancangan dan anggaran kewangan masjid yang diperolehi daripada responden kajian, pengkaji mendapati bahawa majoriti masjid di daerah Ranau tidak melakukan perancangan dan anggaran kewangan tahunan bagi masjid masing-masing.

### 2.1.1 Pendapatan Mingguan, Bulanan dan Tahunan Masjid

Kajian berkenaan dengan pendapatan kewangan masjid dibahagikan kepada mingguan, bulanan dan tahunan. Butiran berkaitan dengan pendapatan mingguan masjid di daerah Ranau dinyatakan pada Jadual 3. Majoriti masjid di daerah Ranau mempunyai pendapatan mingguan sebanyak RM20.00 hingga RM100.00 seminggu atau 42.9% iaitu seramai enam orang (n=6) responden. Bagi pendapatan RM101.00 hingga RM500.00 dan RM501.00 hingga RM1 000.00 seminggu pula adalah masing-masing seramai dua responden (n=2) atau 14.3%. Manakala RM1001.00 hingga RM2000.00 seramai empat orang (n=4) responden atau 28.6 % menyatakan pendapatan mingguan masjid dalam tempoh seminggu.

Jadual 3: Pendapatan Masjid Seminggu

Perkara	Kekerapan	Peratusan
RM20.00 hingga RM100.00	6 orang	42.9 %
RM101.00 hingga RM500.00	2 orang	14.3 %
RM501.00 hingga RM1000.00	2 orang	14.3 %
RM1001.00 hingga RM2000.00	4 orang	28.6 %
<b>Jumlah</b>	<b>14 orang</b>	<b>100 %</b>

Jadual 4: Pendapatan Masjid Sebulan

Perkara	Kekerapan	Peratusan
---------	-----------	-----------



RM80.00 hingga RM400.00	6 orang	42.9 %
RM401.00 hingga RM2000.00	2 orang	14.3 %
RM2001.00 hingga RM4000.00	2 orang	14.3 %
RM4001.00 hingga RM8000.00	4 orang	28.6 %
<b>Jumlah</b>	<b>14 orang</b>	<b>100 %</b>

Manakala pendapatan bulanan masjid di daerah Ranau pula mendapati bahawa majoriti responden kajian seramai enam orang (n=6) responden atau 42.9% menyatakan bahawa pendapatan masjid dalam tempoh sebulan di antara RM80.00 hingga RM400.00. Bagi pendapatan RM401.00 hingga RM2000.00 dan RM2001.00 hingga RM4000.00, masing-masing seramai dua orang atau 14.3%. Manakala empat orang (n=4) atau 28.6 % responden kajian memperoleh pendapatan bulanan sekitar RM4001.00 hingga RM8000.00 sebagaimana butiran pada Jadual 4.

Kutipan kewangan masjid dalam tempoh setahun pula mendapati bahawa seramai lapan orang (n=8) responden atau 57.1 % menyatakan pendapatan tahunan masjid mereka sekitar RM500 sehingga RM12000 setahun. Manakala seramai enam orang (n=6) atau 42.9 % pula menyatakan pendapatan tahunan masjid dianggarkan sekitar RM12000 hingga RM96000 sebagaimana butiran pada Jadual 5.

Jadual 5: Pendapatan Masjid Setahun

Perkara	Kekerapan	Peratusan
RM960.00 hingga RM4800.00	6 orang	57.1 %
RM4801.00 hingga RM24000.00	2 orang	14.3 %
RM24001.00 hingga RM48000.00	2 orang	14.3 %
RM48001.00 hingga RM96000.00	4 orang	28.6 %
<b>Jumlah</b>	<b>14 orang</b>	<b>100 %</b>

Pengkaji turut mendapati bahawa sumber pendapatan paling banyak dikutip oleh masjid di daerah Ranau dalam masa setahun ialah melalui sedekah solat fardu Jumaat, sebagaimana maklumat yang diperolehi daripada responden R9 yang menyatakan bahawa:

*“(sumbangan) dari solat Jumaat, juga derma daripada musafir, kebanyakannya pelancong yang hadir solat di masjid. Mereka memasukkan wang ke dalam tabung masjid yang diletakkan di luar masjid dan ia menyumbang pendapatan hampir separuh juga pendapatan masjid. Selain itu, terdapat sumbangan individu secara berkala yang disalurkan melalui ahli jawatankuasa masjid, dan kadang kala sumbangan daripada orang tertentu ... politik ... setahun sekali”.*

Semua responden kajian menyatakan bahawa pendapatan mingguan, bulanan dan tahunan masjid di daerah Ranau diperolehi daripada derma tabung masjid, sedekah tabung solat sunat Aidil Fitri dan Aidil Adha, derma tabung sempena pelaksanaan program di masjid seperti ceramah dan sebagainya, bayaran sewa tapak bagi Bazaar Ramadan, sumbangan wakil rakyat, sumbangan ahli kariah masjid (kakitangan dan pelajar sekolah) dan sumbangan individu dari semasa ke semasa.

### 2.1.2 Kutipan Sedekah Semasa Solat

Kajian berkaitan dengan kutipan sedekah semasa solat dibahagikan solat fardhu Jumaat, solat sunat Aidil Fitri dan solat sunat Aidil Adha. Butiran berkaitan dengan jumlah kutipan sedekah semasa solat fardhu Jumaat di daerah Ranau dinyatakan pada Jadual 6.

Jadual 6: Jumlah Purata Pendapatan Tabung Solat Jumaat Seminggu

Perkara	Kekerapan	Peratusan
RM0.00	2 orang	14.3 %
RM50 hingga RM100	4 orang	28.6 %
RM80 hingga RM200	2 orang	14.3 %
RM800 hingga RM1100	2 orang	14.3 %
RM150 hingga RM2000	4 orang	28.6 %



<b>Jumlah</b>	14 orang	100 %
---------------	----------	-------

Seramai empat orang (n=4) atau 28.6 % responden kajian bagi masjid di daerah Ranau menyatakan masjid mereka memperoleh purata kutipan sedekah solat fardhu Jumaat sekitar RM150 hingga RM2000. Seramai empat orang (n=4) atau 28.6 % lagi responden kajian menyatakan masjid mereka memperoleh purata kutipan sekitar RM50 hingga RM100. Kemudiannya, seramai dua orang (n=2) atau 14.3 % responden kajian menyatakan masjid mereka memperoleh purata kutipan sekitar RM800 hingga RM1100, dan seramai dua orang (n=2) atau 14.3 % lagi responden kajian menyatakan masjid mereka memperoleh purata kutipan sekitar RM80 hingga RM200 bagi setiap kali solat fardhu Jumaat. Manakala seramai dua orang (n=2) responden atau 14.3 % pula menyatakan bahawa masjid mereka tidak mempunyai kutipan sedekah solat fardhu Jumaat kerana masjid mereka bukanlah masjid yang dibenarkan untuk mendirikan solat fardhu Jumaat. Jumlah kutipan sedekah semasa solat sunat Aidil Fitri dan solat sunat Aidil Adha pula merekodkan kepelbagaian jumlah kutipan dari tiada kutipan hingga RM2000 sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 7. Dapatan kajian merekodkan seramai empat orang (n=4) atau 28.6 % responden kajian menyatakan masjid mereka memperoleh purata kutipan sekitar RM1500 hingga RM2000 untuk solat sunat Aidil Fitri dan solat sunat Aidil Adha. Manakala seramai empat orang (n=4) atau 28.6 % responden kajian pula menyatakan bahawa masjid mereka tidak memperoleh sebarang kutipan. Perkara ini disebabkan masjid tersebut tidak mengadakan solat sunat Aidil Fitri dan solat sunat Aidil Adha kerana ahli kariah masjid (kakitangan dan pelajar) akan balik ke kampung halaman masing-masing.

Jadual 7: Jumlah Purata Pendapatan Tabung Solat Sunat Aidil Fitri dan Aidil Adha

Perkara	Kekerapan	Peratusan
RM0.00	4 orang	28.6 %
RM300 hingga RM400	2 orang	28.6 %
RM500 hingga RM600	2 orang	14.3 %
RM1000 hingga RM1500	2 orang	14.3 %
RM1500 hingga RM2000	4 orang	28.6 %
<b>Jumlah</b>	14 orang	100 %

Seramai dua orang (n=2) atau 14.3% responden kajian menyatakan bahawa masjid mereka memperoleh purata kutipan sedekah semasa solat sunat Aidil Fitri dan solat sunat Aidil Adha dengan masing-masing sekitar RM300.00 hingga RM400.00, dan dua orang (n=2) atau 14.3% lagi responden kajian mencatatkan sekitar RM500.00 hingga RM600.00 seterusnya dua orang (n=2) atau 14.3% lagi responden kajian merekodkan sekitar RM1000.00 hingga RM1500.00. Oleh itu, kajian mendapati bahawa masjid yang dibenarkan mendirikan solat Jumaat di daerah Ranau memperoleh kutipan sedekah solat Jumaat tidak kurang dari RM50.00 dan tidak lebih dari RM2 000.00 dalam masa seminggu. Manakala kutipan yang diperolehi untuk solat sunat Aidil Fitri dan Aidil Adha pula merekodkan tidak kurang dari RM300.00 dan tidak lebih dari RM2000.00. Secara tidak langsung, ia menggambarkan bahawa masjid di daerah Ranau mempunyai pendapatan mingguan yang mampu menampung kos operasi masjid tersebut dalam tempoh sebulan.

#### **Sumbangan Kerajaan, Swasta, NGO dan Perseorangan**

Kajian ini seterusnya akan menjelaskan tentang sumbangan kewangan daripada kerajaan, swasta, NGO dan perseorangan kepada institusi masjid di daerah Ranau. Kajian berkaitan dengan sumbangan kewangan daripada kerajaan dijelaskan pada Jadual 8. Majoriti responden kajian seramai 10 orang (n=10) atau 71.4 % menyatakan bahawa masjid mereka tidak pernah menerima sumbangan kewangan daripada kerajaan.

Jadual 8: Sumbangan Kewangan Daripada Kerajaan

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Ya	4 orang	28.6 %
Tidak	10 orang	71.4 %
<b>Jumlah</b>	14 orang	100 %

Seramai empat orang (n=4) responden atau 28.6% menyatakan pernah mendapat sumbangan daripada pihak kerajaan. Mereka memaklumkan bahawa sumbangan yang diterima sebanyak RM800 setahun dan dihantar secara tunai ke jawatankuasa pengurusan masjid melalui wakil pihak kerajaan. Pengkaji turut dimaklumkan bahawa sumbangan tersebut diperolehi setelah membuat permohonan kepada pihak berkaitan untuk mengajurkan program pengimarahannya.



Jadual 9: Sumber Kewangan Daripada NGO

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Ya	2 orang	14.3 %
Tidak	12 orang	85.7 %
<b>Jumlah</b>	14 orang	100 %

Manakala sumbangan kewangan daripada sektor swasta pula merekodkan tidak terdapat sebarang sumbangan yang diperolehi oleh masjid di daerah Ranau. Selain itu, seramai dua orang (n=2 orang) responden atau 14.3 % menyatakan pernah mendapat sumbangan kewangan masjid daripada NGO sebagaimana butiran pada Jadual 9. Sumbangan tersebut disampaikan dalam bentuk wang tunai dengan jumlah sekitar RM50 hingga RM300. Seramai 12 orang (n=12) responden atau 85.7% pula menyatakan bahawa masjid mereka tidak pernah menerima sumbangan wang daripada NGO. Kajian turut merekodkan seramai 12 orang (n=12) responden atau 78.6% menyatakan bahawa masjid mereka mendapat sumbangan daripada orang perseorangan. Seramai 2 orang (n=2) responden atau 14.3 % pula menyatakan tidak mendapat sumbangan kewangan untuk masjid daripada orang perseorangan sebagaimana butiran pada Jadual 10.

Jadual 10: Sumber Kewangan Daripada Orang Perseorangan

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Ya	12 orang	85.7 %
Tidak	2 orang	14.3 %
<b>Jumlah</b>	14 orang	100 %

Kajian mendapati jumlah sumbangan kewangan daripada orang perseorangan kepada institusi masjid di daerah Ranau sekitar RM50 hingga RM1500. Kebanyakan responden kajian turut memaklumkan bahawa kekerapan sumbangan orang perseorangan adalah sehingga enam kali dalam setahun. Kajian juga mendapati bahawa kebanyakan sumbangan wang tunai daripada orang perseorangan tersebut dilakukan kerana ada hajat, doa selamat, sedekah dan sebagainya. Rumusan kajian berkaitan dengan sumbangan kewangan daripada kerajaan, pihak swasta, NGO dan perseorangan kepada institusi masjid di daerah Ranau mendapati hanya orang perseorangan yang sering menghulurkan bantuan dan sumbangan kewangan kepada institusi masjid. Manakala pihak kerajaan dan swasta pula didapati tidak pernah memberi sumbangan dalam bentuk kewangan kepada masjid-masjid di daerah Ranau.

## 2.2 Sumber Penjanaaan Pendapatan Kewangan Masjid

Kajian ini turut menjelaskan tentang sumber penjanaaan kewangan masjid di daerah Ranau. Perbincangan sumber penjanaaan kewangan ini dibahagikan kepada dua, iaitu penjanaaan pendapatan kewangan masjid melalui perniagaan dan penjanaaan pendapatan kewangan masjid melalui pelaburan. Kajian berkaitan dengan penjanaaan pendapatan kewangan masjid melalui perniagaan dijelaskan pada Jadual 11. Majoriti responden kajian seramai lapan orang (n=8) atau 57.1% menyatakan bahawa masjid mereka tidak terlibat dalam aktiviti penjanaaan pendapatan melalui perniagaan.

Jadual 11: Sumber Pendapatan Masjid daripada Perniagaan

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Ada	6 orang	42.9 %
Tidak	8 orang	57.1 %
<b>Jumlah</b>	<b>14 orang</b>	<b>100 %</b>

Manakala seramai enam orang (n=6) responden atau 42.9% menyatakan mempunyai pendapatan melalui perniagaan. Kajian mendapati seramai dua orang (n=2) responden atau 33.3% daripada enam orang responden kajian menyatakan bahawa masjid mereka menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan bagi menambah sumber pendapatan masjid seperti menjalankan perniagaan menyemai benih pokok durian. Seramai empat orang (n=4) responden atau 66.7 % menyatakan bahawa masjid mereka membuka kedai makanan dan minuman untuk disewakan kepada peniaga muslim. Pengkaji turut dimaklumkan bahawa jumlah penjanaaan pendapatan yang diperolehi melalui perniagaan adalah tidak menentu dan sukar dinyatakan oleh responden kajian. Penjanaaan pendapatan kewangan masjid melalui pelaburan pula mendapati majoriti responden kajian menyatakan bahawa masjid mereka tidak melibatkan diri dalam sebarang bentuk pelaburan kewangan. Dapatan kajian berkaitan dengan penjanaaan pendapatan kewangan masjid melalui perniagaan dan pelaburan bagi masjid-masjid di daerah Ranau mendapati bahawa hanya segelintir sahaja masjid yang mempunyai



perniagaan berbentuk sewaan. Manakala masjid yang lain tidak mempunyai penjanaan pendapatan melalui perniagaan. Penjanaan pendapatan melalui pelaburan merekodkan tiada sebuah pun masjid yang melibatkan diri dalam pelaburan.

### 3 Kekangan Sumber Pendapatan Kewangan Masjid

Kajian mendapati bahawa seramai enam orang (n=6) responden atau 42.9% menyatakan bahawa masjid mereka menghadapi masalah atau kekangan kewangan masjid seperti sumbangan wang yang terhad kerana sumber dana masjid hanya dari kalangan kakitangan dan pelajar sahaja. Responden turut memaklumkan bahawa masjid mereka amat jarang menerima kehadiran jemaah daripada luar dan ia menyukarkan masjid untuk mendapat sumbangan kewangan. Selain itu, responden turut memaklumkan bahawa kekurangan sumber pendapatan kewangan masjid kerana faktor geografi, iaitu masjid terletak jauh daripada Pekan Ranau dan di luar bandar.

Jadual 12: Masalah atau Kekangan Pengurusan Pendapatan Masjid

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Ya	6 orang	42.9 %
Tidak	8 orang	57.1 %
<b>Jumlah</b>	14 orang	100 %

Di samping itu, seramai lapan orang (n=8) responden atau 57.1 % pula menyatakan bahawa masjid mereka tidak mempunyai masalah berkaitan kekurangan kewangan sebagaimana yang butiran pada Jadual 12. Responden kajian memaklumkan bahawa mereka menghadapi kesulitan dalam aspek kewangan, namun ia berjaya diatasi apabila jawatankuasa pengurusan masjid memohon sumbangan daripada kerajaan, ahli politik, ahli kariah atau kepada kakitangan dan pelajar.

### 4 Perbelanjaan Kewangan Masjid

Perbincangan berkenaan dengan perbelanjaan kewangan masjid dibahagikan kepada empat (4), iaitu; perancangan perbelanjaan kewangan masjid; perbelanjaan mingguan, bulanan dan tahunan masjid; perbelanjaan kewangan masjid; dan kekangan perbelanjaan kewangan masjid. Dapatan kajian telah dianalisis secara manual berdasarkan data yang diperolehi melalui proses temu bual ke atas semua responden.

#### 4.1 Perancangan Perbelanjaan Kewangan Masjid

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa semua responden kajian seramai 14 orang (n=14 orang) atau 100 % tidak menyediakan anggaran perbelanjaan tahunan bagi kewangan masjid di daerah Ranau. Dengan erti kata lain, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti masjid di daerah Ranau tidak menyediakan anggaran perbelanjaan berkaitan dengan perbelanjaan utiliti, pembelian, pembinaan, penyelenggaraan, sedekah, derma dan sebagainya. Maklumat yang diperolehi melalui proses temu bual turut menunjukkan bahawa perbelanjaan dilakukan mengikut keperluan program dan mana-mana perkara yang mendesak, sebagaimana yang dinyatakan oleh responden R4, iaitu:

*"... kita berbelanja mengikut keperluan... bila berlaku kerosakan pintu, pintu pecah ataupun peralatan lain rosak, maka kita akan mengeluarkan duit yang diperlukan"*.

Pernyataan ini disokong oleh responden R5 yang menyatakan:

*"(penganggaran perbelanjaan tidak dilakukan) namun pembelian lampu setahun sekali sahaja.. Pembinaan belum ada... penyelenggaraan dibuat menggunakan duit sedekah..."*.

Kebanyakan responden kajian turut beranggapan perancangan anggaran perbelanjaan tahunan hanyalah melibatkan proses penyelenggaraan, proses baikpulih ataupun melibatkan pembinaan struktur masjid. Secara tidak langsung, dapatan kajian mendapati majoriti institusi masjid tidak menyediakan anggaran perbelanjaan tahunan bagi masjid mereka. Sedangkan perancangan pendapatan dan perancangan perbelanjaan merupakan dua aspek penting untuk prosedur kewangan.

#### 4.2 Perbelanjaan Mingguan, Bulanan dan Tahunan Masjid

Dapatan kajian ini menjelaskan tentang perbelanjaan mingguan, bulanan dan tahunan kewangan masjid di daerah Ranau. Butiran berkaitan dengan perbelanjaan mingguan masjid di daerah Ranau dinyatakan pada Jadual 13. Majoriti responden kajian seramai 10 orang (n=10) atau 71.4 % menyatakan bahawa perbelanjaan masjid mereka sekitar RM50 hingga RM100 dalam tempoh seminggu. Manakala seramai empat (n=4) orang responden atau 28.6 % pula menyatakan bahawa masjid mereka tidak membelanjakan apa-apa dalam tempoh seminggu. Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui temu bual, kebanyakan perbelanjaan mingguan dilakukan untuk jamuan majlis bacaan Yasin dan Tahlil serta majlis ilmu yang diadakan secara mingguan.

Jadual 13: Perbelanjaan Kewangan Masjid Dalam Seminggu

Perkara	Kekerapan	Peratusan
RM50 hingga RM100	10 orang	71.4 %
RM0.00	4 orang	28.6 %



<b>Jumlah</b>	14 orang	100 %
---------------	----------	-------

Manakala perbelanjaan bulanan masjid di daerah Ranau pula mendapati bahawa seramai empat responden kajian (n=4) atau 28.6 % menyatakan bahawa perbelanjaan masjid dalam masa sebulan sekitar RM38.00 hingga RM200.00 sebagaimana butiran pada jadual 14. Manakala bagi perbelanjaan bulanan masjid iaitu RM201.00 hingga RM400.00, RM401.00 hingga RM1000.00 dan RM1001.00 hingga RM1300.00 atau 14.3% adalah masing-masing responden seramai dua orang (n=2) responden. Responden kajian memaklumkan bahawa perbelanjaan bulanan tersebut digunakan untuk pelaksanaan program pengimarahkan masjid, bayaran bil elektrik dan bil air, membeli peralatan atau keperluan jemaah masjid seperti lampu dan gaji pekerja masjid. Selain itu, seramai empat orang (n=4) responden atau 28.6 % pula menyatakan bahawa masjid mereka tidak mengeluarkan sebarang perbelanjaan dalam tempoh sebulan. Hal ini disebabkan perbelanjaan elektrik dan air masjid berkenaan dibayar secara pukal oleh institusi atau majikan mereka.

Jadual 14: Perbelanjaan Kewangan Masjid Dalam Sebulan

Perkara	Kekerapan	Peratusan
RM0.00	4 orang	28.6 %
RM38.00 - RM200.00	4 orang	28.6 %
RM201.00 – RM400.00	2 orang	14.3 %
RM401.00 – RM1000.00	2 orang	14.3 %
RM1001.00 – RM1300.00	2 orang	14.3 %
<b>Jumlah</b>	14 orang	100 %

Perbelanjaan tahunan bagi masjid-masjid di daerah Ranau pula merekodkan seramai enam orang (n=6) responden atau 42.9 % menyatakan perbelanjaan tahunan masjid mereka sekitar RM1000.00 hingga RM2000.00. Manakala seramai empat orang (n=4) atau 28.6 % pula menyatakan perbelanjaan tahunan masjid dianggarkan sekitar RM10001.00 hingga RM20000.00 sebagaimana butiran pada Jadual 15. Manakala bagi perbelanjaan tahunan RM2001.00 hingga RM5000.00 dan RM5001.00 hingga RM10000.00 masing-masing seramai dua orang (n=2) responden atau 14.3% menyatakan perbelanjaan tahunan masjid.

Jadual 15: Perbelanjaan Kewangan Masjid Dalam Setahun

Perkara	Kekerapan	Peratusan
RM1000.00 - RM2000.00	6 orang	42.9 %
RM2001.00 – RM5000.00	2 orang	14.3 %
RM5001.00 – RM10000.00	2 orang	14.3 %
RM10001.00 – RM20000.00	4 orang	28.6 %
<b>Jumlah</b>	14 orang	100 %

Semua responden kajian seramai 14 orang (n=14) responden atau 100 % menyatakan bahawa perbelanjaan tahunan dilakukan untuk pelaksanaan pelbagai aktiviti. Antara aktiviti yang dianjurkan oleh masjid-masjid di daerah Ranau ialah sambutan Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Israk dan Mikraj, sambutan awal Ramadan, majlis gotong royong membersihkan masjid dan tanah perkuburan, membeli perhiasan masjid, baikpulih masjid dan sebagainya. Hal ini sebagaimana dinyatakan oleh responden R4:

*“contohnya gotong royong untuk pembersihan masjid, hiasan masjid, penambahbaikan masjid tahun ni ialah membina tempat mengambil wuduk lelaki dan pada tahun lepas pula kita buat pagar”*

Responden R2 turut menyatakan bahawa perbelanjaan tahunan digunakan untuk bayaran penceramah, jamuan makan, penambahbaikan alat-alat masjid yang rosak, pembelian lampu, paip tandas, pembesar suar, menggantikan langsir yang baru, membeli buku Yasin, buku *Al-Mathurat* dan al-Quran katanya, sebagaimana pernyataan berikut: *“sebagaimana dimaklumkan tadi... antaranya bayaran kepada penceramah, jamuan semasa ceramah, perbelanjaan masjid biasa juga untuk penambahbaikan terhadap alatan yang rosak di masjid seperti lampu, paip tandas, pembelian pembesar suara masjid, baner. Tahun ini kita telah menggantikan langsir yang baru. Selain itu masjid seperti buku yasin, buku mathurat dan al-Quran”*.



## 5 Perbelanjaan Kewangan Masjid

Kajian berkaitan dengan perbelanjaan kewangan masjid dibahagikan kepada tiga, iaitu perbelanjaan bil elektrik dan bil air, perbelanjaan elaun suguhati pekerja dan perbelanjaan lain-lain kewangan masjid. Butiran berkaitan dengan perbelanjaan bil elektrik bagi masjid di daerah Ranau dinyatakan pada Jadual 16. Terdapat dua kategori responden bagi masjid dalam kajian ini iaitu seramai empat orang (n=4) atau 28.6 % iaitu untuk kategori pertama menyatakan bahawa masjid mereka tidak pernah membayar bil elektirk dan air kerana bil tersebut di bayar secara pukal oleh pihak sekolah dan kategori yang kedua juga seramai empat orang (n=4) turut menyatakan perbelanjaan bil ini mencapai RM450.00 hingga RM650.00 sebulan. Seterusnya seramai dua orang (n=2) atau 14.3 % menyatakan bahawa bil ini di antara RM10.00 hingga RM50.00. Begitu juga dua orang (n=2) atau 14.3 % menyatakan perbelanjaan bil ini di antara RM51.00 hingga RM100.00 sebulan. Turut menyatakan bahawa seramai dua orang (n=2) atau 14.3 % perbelanjaan bil RM101.00 hingga RM350.00.

Jadual 16: Perbelanjaan Bil Elektrik Masjid Di Daerah Ranau Sabah

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Kerajaan/Majikan	4 orang	28.6 %
RM10 hingga RM50	2 orang	14.3 %
RM51 hingga RM100	2 orang	14.3 %
RM101 hingga RM350	2 orang	14.3 %
RM450 hingga RM650	4 orang	28.6 %
<b>Jumlah</b>	14 orang	100.0 %

Manakala pada Jadual 17 pula memperincikan perbelanjaan bil air bagi masjid di daerah Ranau. Kajian mendapati bahawa majoriti responden seramai enam orang (n=6) atau 42.9 % menyatakan bahawa masjid menggunakan air graviti bagi kegunaan ahli jemaah dalam menunaikan ibadah. Seterusnya terdapat empat orang (n=4) atau 28.6 % tidak membayar bil air kerana ia dibayar secara pukal oleh sekolah. Begitu juga dengan empat orang (n=4) atau 28.6 % menyatakan bil ini dibayar di antara RM20.00 hingga RM100.00 sebulan.

Jadual 17: Perbelanjaan Bil Air Masjid Di Daerah Ranau Sabah

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Air Graviti	6 orang	42.9 %
Kerajaan	4 orang	28.6 %
RM20 hingga RM100	4 orang	28.6 %
<b>Jumlah</b>	14 orang	100.0 %

Perbelanjaan elaun suguhati pekerja masjid pula merekodkan bayaran suguhati pekerja dibayar secara bulanan sebanyak RM800.00 seorang kepada dua orang pekerja. Maklumat yang diperolehi daripada responden kajian mendapati seramai empat orang (n=4) responden atau 28.6 % menyatakan bahawa terdapat pekerja di masjid mereka dan dibayar suguhati menggunakan kewangan masjid, sebagaimana butiran pada Jadual 18. Seramai 10 orang (n=10) responden atau 71.4 % pula menyatakan bahawa tidak ada pekerja di masjid mereka dan tidak ada bayaran elaun atau suguhati dikeluarkan oleh masjid. Mereka menegaskan bahawa pembersihan masjid dilakukan secara bergotong royong oleh kalangan ahli kariah atau kakitangan dan pelajar.

Jadual 18: Perbelanjaan Elaun Suguhati Pekerja

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Bayaran Suguhati Pekerja	4 orang	28.6 %
Tiada Bayaran Suguhati Pekerja	10 orang	71.4 %
<b>Jumlah</b>	14 orang	100.0 %

Dapatan kajian berkenaan dengan perbelanjaan lain-lain kewangan masjid merekodkan seramai 10 orang (n=10) responden atau 71.4 % menyatakan bahawa tidak terdapat sebarang perbelanjaan lain selain yang telah dinyatakan seperti perbelanjaan mingguan, bulanan dan tahunan sebagaimana butiran pada Jadual 19. Seramai empat orang (n=4) responden atau 28.6 % menyatakan bahawa masjid mempunyai perbelanjaan lain.



Jadual 19: Perbelanjaan Lain-lain Kewangan Masjid

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Ada	4 orang	28.6 %
Tiada	10 orang	71.4 %
<b>Jumlah</b>	14 orang	100.0 %

Maklumat yang diperolehi daripada responden R7 menyatakan bahawa perbelanjaan lain kewangan masjid melibatkan bantuan kepada ahli kariah yang miskin seperti memberi sumbangan wang untuk rawatan di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu dan memberi sumbangan wang kepada ahli kariah yang ditimpa musibah. Petikan temu bual bersama responden R7 adalah seperti berikut:

*“ada yang ke hospital (untuk temu janji berjumpa doktor), ada jemaah yang tulis surat kepada masjid dan masjid bagi tambang ke hospital. Selain itu, pembelian dan pembaikan pembesar suara dan kipas angin (bagi keselesaan jemaah)”*. Selain itu, responden R9 turut menyatakan bahawa masjid mereka sentiasa memberi sumbangan wang untuk khairat kematian sebanyak RM300.00, sebagaimana petikan temu bual berikut:

*“... sumbangan kematian tiga ratus ringgit (RM300.00). Aktiviti bergantung permohonan kepada pihak masjid seperti kursus perkhemahan pelajar iaitu satu ribu lima ratus ringgit (RM1500.00) dan diluluskan oleh dalam mesyuarat AJK masjid”*.

Perbelanjaan kewangan masjid untuk program pengimarahkan dan penyelesaian ahli kariah adalah bersesuaian dengan pandangan daripada teori PTj iaitu setiap perkhidmatan hendaklah memberikan manfaat kepada orang ramai secara komprehensif (Marzita, 2010). Pengeluaran wang masjid dan pelantikan pekerja di sesebuah masjid bagi memastikan institusi masjid sentiasa diimarahkan dan menjaga keceriaan masjid berkenaan. Pelaksanaan program pengimarahkan dan pekerja yang baik akan memberi kesan dan faedah yang baik kepada dirinya, masjid dan orang ramai (Muhamadul dan Khatijah, 2009).

### 5.1 Kekangan Perbelanjaan Kewangan Masjid

Dapatan kajian mendapati seramai lapan orang (n=8) responden atau 57.1 % menyatakan bahawa masjid mereka tidak mempunyai masalah atau kekangan kewangan sebagaimana butiran yang terdapat pada Jadual 20. Kajian turut mendapati seramai enam orang (n=6) responden atau 42.9 % menyatakan bahawa masjid mereka menghadapi kekangan perbelanjaan kewangan.

Jadual 20: Masalah Kekangan Perbelanjaan Kewangan Masjid

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Ada	6 orang	42.9 %
Tiada	8 orang	57.1 %
<b>Jumlah</b>	14 orang	100.0 %

Menurut maklumat yang diperolehi daripada responden kajian, kebanyakan kekangan perbelanjaan kewangan masjid yang dialami oleh mereka disebabkan sumber pendapatan yang tidak menentu. Kebanyakan responden kajian menyatakan bahawa kekangan tersebut mengakibatkan aktiviti pengimarahkan masjid menjadi terbatas. Perkara ini ditegaskan oleh responden R1 dan R5 yang menyatakan bahawa:

*“(masalah kekangan kewangan masjid ini) tidak lari daripada sumber kewangan. Kalau memohon daripada kerajaan pun belum tentu dapat. Sumber pendapatan masjid pula tidak menentu dan kalau ada sumber tu kita dapat buat dan dapat laksanakan aktiviti-aktiviti pengimarahkan masjid”*.

Selain itu, respon daripada responden R4 pula menyatakan masalah kekangan yang dihadapi oleh masjid adalah kekurangan dana bagi proses baik pulih atau membeli keperluan peralatan masjid terutama apabila berlaku sebarang kerosakan. Responden R4 menyatakan:

*“... kekangan paling besar ialah bila berlaku kerosakan menyebabkan kos yang besar jadi di situ kita ada masalah dari segi keperluan kewangan. Jadi kita memerlukan sumbangan kewangan daripada pelbagai pihak untuk membantu membiayai pembelian peralatan masjid”*.

Bagi mengatasi kekangan perbelanjaan kewangan masjid, semua enam orang (n=6) responden atau 42.9 % menyatakan mereka terpaksa memohon sumbangan daripada ahli kariah, ahli politik, kerajaan, kakitangan dan pelajar. Selain itu,



terdapat juga responden memaklumkan bahawa mereka terpaksa mengeluarkan wang sendiri bagi memastikan kelancaran program pengimarahannya dan baik pulih kemudahan yang terdapat di masjid.

## 6. Kesimpulan

Pengurusan kewangan masjid melibatkan pendapatan dana dari pelbagai sumber dan perbelanjaan kewangannya. Pihak masjid perlu membelanjakan kewangan yang diterima dengan terurus dan teratur. Masjid perlu membuat perancangan kewangan masjid setiap tahun kerana sumber dana yang diperolehi dalam bentuk kutipan sedekah, sedekah solat Jumaat dan perayaan, sumbangan kerajaan, NGO, orang perseorangan dan sebagainya tetap diperolehi setiap tahun. Manakala perbelanjaan kewangan masjid juga perlu dirancang kerana terdapat perbelanjaan berbentuk mingguan, bulanan dan secara tahunan seperti bayaran utiliti bil air dan elektrik, bayaran pengurusan program masjid, pembelian peralatan pembersihan semasa gotong royong, saguhati pekerja masjid, sumbangan wang kepada ahli kariah yang sakit perlu di rawat di hospital kerajaan dan sebagainya. Namun demikian masjid turut menghadapi kekangan yang mana masjid tidak mempunyai dana yang mencukupi bagi melaksanakan program pengimarahannya masjid, pembaikan masjid dan pembelian barang keperluan harian masjid. Bagi memastikan agar kekangan ini dapat diatasi ahli jawatankuasa masjid perlu memohon sumbangan daripada pihak ahli kariah, pemimpin politik, kerajaan, kakitangan kerajaan dan pelajar. Kini telah tiba masanya institusi masjid berusaha sedaya upaya untuk menambahkan sumber dana melalui pelbagai kaedah terkini sebagai penambahbaikan kaedah lama untuk mendapatkan sumber dana masjid. Dengan sumber dana yang banyak dapat menyelesaikan masalah kekurangan dana masjid untuk melaksanakan program pengimarahannya masjid dan sebagainya. Institusi kewangan masjid yang mantap akan terus menjadi sumber kekuatan umat Islam sekiranya umat Islam secara keseluruhannya mempunyai kesedaran dan menyokong pengurusan institusi kewangan masjid.

## Penghargaan

Kajian ini menyatakan penghargaan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Cawangan Ranau, semua pengerusi dan bendahari masjid di daerah Ranau dengan bantuannya aspek masa dan maklumat semasa temu bual yang dijalankan oleh pengkaji semasa kajian ini dilaksanakan dengan tajuk kajian "Pengurusan Kewangan Masjid: Kajian di Ranau, Sabah".

## Konflik Kepentingan

Penulis kajian tidak mempunyai konflik kepentingan kepada mana-mana individu atau pertubuhan dari segi kewangan dan kepentingan lainnya dalam penulisan artikel ini.

## Sumbangan Penulis

Dalam kajian ini, S.L membuat perancangan kajian lapangan dan menyediakan data yang diperlukan, membuat sorotan literatur terhadap kajian-kajian lepas dalam pengenalan permasalahan utama kajian, membina instrumen temu bual kajian seterusnya membuat pengukuran kesahan data bagi mendapatkan hasil kajian ini. S.B dan M.F.M.Y Bersama-sama membimbing dan memandu penulis dalam membuat perancangan kajian, pengumpulan data yang diperlukan, menyorot sorotan literatur kajian-kajian lalu, mengenal pasti masalah kajian, membina kerangka kajian, pembinaan instrumen temu bual kajian dan menganalisis data kajian agar mencapai hasil kajian ini.

## Rujukan

- Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Syed Ismail Syed Mohamad dan Amal Hayati Ishak. (2007). Potensi Pengembangan Industri Kecil Sederhana (IKS) Melalui Dana Masjid, dalam *Prosiding Persidangan Kebangsaan Industri Kecil dan Sederhana 2007*.
- Hairunnizam Wahid, Nor Ghani Md Nor, Jaafar Ahmad dan Sanep Ahmad. (2009). Masjid dan Pembentukan Modal Sosial: Apakah Faktor Penentu Aktivisme Masjid? dalam Sanep *et.al* (penyt.), *Prosiding Bengkel Penyelidikan Gunaan dalam Ekonomi Islam*, 1–9.
- Hasan Bahrom. (2008). Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah, Muhd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (penyt.), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Johor: Penerbit UTM.
- Husnul Rita Binti Aris dan Nor Saadah Binti Musa, (2014). Pengurusan Tabung Masjid Ke Arah Pembangunan Ekonomi Masyarakat Setempat. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)* (e-ISBN 978-967-13087-1-4). 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA.
- Ibn Khaldun. (T.t.) *Muqaddimah* Kaherah: alMaktabah Tijariyyah al\_kubra. ms403
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid. (2001). *Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik*. National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation. Fakulti Ekonomi UKM dan UUM 23-24hb April.



- Joni Tamkin Borhan and Che Zarrina Sa'ari. (2003). Pembangunan Ekonomi Masjid dalam Norrodzoh Hj. Siren & Yusmini Md Yusoff (penyt.), *Membangun Institusi Masjid*. Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication.
- Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Mohammad & Mohd Fauzi Abu@Hussin (2011), Membentuk usahawan Muslim: Peranan dana masjid. *Al-Basirah*, 1(1), 53–63.
- Maliah Sulaiman. (2007). The Internal Control Procedures of Mosques in Malaysia. *Blumenau*, 3(2), 101–115.
- Mohd Noor Azli Ali Khan, Mohd Zulrushdi Salleh dan Norhayati Salleh. (2008). Pengurusan Masjid: Satu Tinjauan ke atas Kecemerlangan Masjid, Mohd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (penyt.), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Masjid*. Johor: Penerbit UTM.
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohamad Ali Roshidi Ahmad. (2014). *Persepsi Masyarakat Terhadap Keupayaan Pengembangan Dana Masjid*. *Sains Humanika* 2:1, 13-21
- Saimi Bujang (2015), *Aplikasi Pendekatan Pemasaran Tempat ke atas Institusi Masjid*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Ekonomi Dan Perniagaan, Universiti Malaysia Sarawak.
- Siti Alawiah Siraj, Shahul Hameed Mohamed Ibrahim & Maliah Sulaiman (2008). Pengurusan Kewangan: Mempamerkan Akauntabiliti Masjid. IIUM. See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/258929702>
- Zainuddin Jaafar. (2001). Ke Arah Menjadikan Institusi Masjid Sebagai Pusat Kecemerlangan Komuniti Islam Selangor. *Jurnal YADIM*, 2.
- Zakaryya Mohamed Abdel – Hady. (2010). *The Masjid, Yeterday and today*. Center for International and Regional Studies 2 (2010) : 5-10